

Terma dan Syarat Fun Ride – Kuantan Pahang.

SYARAT PENYERTAAN

Acara ini memerlukan peserta untuk mematuhi syarat umur yang dinyatakan dalam kategori yang telah ditetapkan. Apabila peserta telah mendaftar, ini bermakna peserta bersetuju menerima syarat-syarat seperti di bawah.

25KM+- Fun Ride, Terbuka lelaki & wanita (berumur 16 tahun ke atas pada 31 Disember 2022)

- Kanak-kanak 16 tahun ke bawah perlu mengisi borang kebenaran ' indemnity ' semasa hari pengambilan "race kit" dan tiada baju disediakan.
- Jarak dan tempoh yang dinyatakan untuk kayuhan hanyalah anggaran sahaja. Penganjur berhak untuk mengubah jarak laluan tersebut dan tempoh sekiranya perlu.

PERALATAN

1. Kesemua jenis basikal dan size dibenarkan.
2. Setiap peserta **WAJIB memakai kasut dan topi keselamatan.**
3. Digalakkan membawa botol air sepanjang kayuhan untuk mengelakkan "dehydration" sepanjang kayuhan berlangsung.
4. Basikal mestilah lengkap dengan aspek keselamatan yang telah ditetapkan. Sekiranya TIDAK lengkap, penyertaan akan dibatalkan.

LANGKAH KESELAMATAN

1. Walaupun langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil oleh penganjur untuk memastikan keselamatan peserta sepanjang kayuhan, risiko keselamatan adalah atas tanggungjawab peserta itu sendiri.
2. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa yang berlaku semasa kayuhan berlangsung.
3. Peserta yang mempunyai masalah kesihatan yang kronik tidak digalakkan untuk menyertai acara kayuhan ini.
4. Semua peserta perlu memeriksa dan servis basikal sebelum acara, dan memastikan bahawa basikal selamat untuk digunakan sebelum kayuhan dan hendaklah sentiasa peka dengan peserta lain di sekeliling mereka.
5. Semua Peserta hendaklah berada di sebelah kiri jalan kecuali memotong dan diingatkan untuk mematuhi peraturan jalan raya pada setiap masa.

KENDERAAN SOKONGAN KAYUHAN

Penganjur ada menyediakan kenderaan sokongan kayuhan untuk membantu peserta sepanjang laluan acara. Peserta tidak dibenarkan mempunyai sokongan kenderaan sendiri dalam kumpulan kayuhan utama.

RAMALAN CUACA

1. Melihat keadaan cuaca tiga (3) hari sebelum hari acara atau pada hari acara oleh penganjur dan pegawai penguatkuasa undang-undang tempatan.
2. Jika acara dibatalkan kerana cuaca buruk, tidak ada kayuhan dijalankan, hanya acara cabutan bertuah sahaja.

PERATURAN KAYUHAN

1. Peserta **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk memindahkan penyertaan kayuhan mereka kepada pihak lain sebaik sahaja pendaftaran.
2. Semua peserta hendaklah berkumpul di garisan permulaan mengikut lokasi dan masa yang telah ditetapkan.
3. Atas sebab keselamatan, peserta yang tidak bermula pada masa pelepasan masing-masing, penyertaan mereka boleh dibatalkan dan tidak dibenarkan menyertai acara.
4. Semua peserta mesti mengikut laluan yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
5. Peserta yang gagal berbuat demikian boleh dikeluarkan dari laluan serta-merta. Pingat penamat tidak akan diberikan kepada peserta yang gagal mengikut peraturan kayuhan yang telah ditetapkan.

6. Semua peserta mesti mematuhi peraturan jalan raya serta arahan polis, marshal dan pegawai acara semasa kayuhan.
7. **TIDAK DIBENARKAN** : berbasikal tanpa topi keledar, membawa basikal secara berbahaya atau cuai, menggunakan kamera ketika kayuhan, meletakkan tempat duduk kanak-kanak di atas basikal tidak dibenarkan.
8. Semua penunggang hendaklah berada di belakang kenderaan utama pengiring keselamatan dan di hadapan kenderaan belakang pengiring keselamatan pada setiap masa.
9. Semua peserta perlu membawa peralatan sendiri sekiranya terjadinya kerosakan atau kebocoran tayar basikal.

BANTUAN KECEMASAN

1. Perkhidmatan mekanikal tidak akan disediakan bagi membantu basikal peserta yang bermasalah ketika kayuhan. Hanya bantuan paramedic disediakan jika berlaku kecemasan sepanjang kayuhan berlangsung.
2. Petugas perubatan/Marshall/organiser berhak untuk mengeluarkan peserta jika didapati secara fizikal tidak mampu meneruskan kayuhan tanpa risiko kecederaan serius terhadap dirinya atau orang lain.
3. Petugas perubatan berhak membuat keputusan untuk menghantar mangsa ke hospital terdekat dan/atau yang disyorkan.
4. Peserta perlu minum banyak air sebelum, semasa dan selepas kayuhan.
5. Acara ini dilindungi di bawah insurans berkelompok bg acara ini sahaja (Mula acara hingga tamat kayuhan)
6. Walau bagaimanapun, semua peserta disyorkan untuk mempunyai insurans kemalangan peribadi atau insurans kesihatan mereka sendiri.

PENGECUALIAN ACARA

- 1- Penganjur TIDAK akan bertanggungjawab di atas kecederaan, kecuai dan kemalangan jiwa jika berlaku sepanjang acara kayuhan berlangsung.
- 2- Penganjur TIDAK akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang peribadi atau kerosakan, semua itu adalah tanggungjawab peserta untuk memastikan keselamatan barang masing-masing.

Pengurus Acara Fun Ride;
K TWO BERJAYA RESOURCES

JELAJAH Aspirasi
KEKUALANGAN MALAYSIA

FUN RIDE

25 km

PENYERTAAN PERCUMA
TAPAK PARKING PANTAI GELORA
KUANTAN, PAHANG

29 OKT 2022 | SABTU
8.00 PAGI PELEPASAN

800 Peserta sahaja
Hadiah Cabutan Bertuah
• Motosikal Modenas Kris • Barangan Elektrik • Hamper

PEMBERITAHUAN
Pendaftaran secara online akan dibuka pada
24 OKT 2022
Sehingga penuh.